

04 MAR 2004

Pilihan raya-Bubar

PARLIMEN DIBUBAR HARI INI, NEGARA SIAP SEDIA BAGI P/RAYA UMUM KE-11

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Negara bersiap sedia bagi pilihan raya umum ke-11 dengan Parlimen secara rasminya dibubarkan hari ini manakala Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempunyai tempoh 60 hari untuk mengadakan pilihan raya.

Semua Dewan Undangan Negeri kecuali Sarawak juga secara rasminya dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan serentak. Sarawak mengadakan pilihan raya negeri pada 2001 manakala penggal Kerajaan Negeri itu hanya akan berakhir pada 2006.

Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa pilihan raya umum perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas pembubaran Parlimen.

Peraturan pilihan raya menetapkan tarikh terawal bagi penamaan calon boleh diadakan empat hari selepas pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri manakala tarikh terawal bagi pengundian ialah tujuh hari selepas penamaan calon.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mendapatkan mandat baru daripada 10.3 juta pengundi berdaftar, lima bulan selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, yang digambarkan oleh penganalisis sebagai suasana "selesa" daripada segi politik dan ekonomi.

Dalam satu kenyataan ringkasnya semalam, Abdullah mengumumkan bahawa Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menandatangani perisytiharan pembubaran Parlimen bagi membolehkan pilihan raya baru diadakan.

Hari penamaan calon dan pengundian bagi pilihan raya umum ke 11 itu akan ditetapkan oleh SPR pada mesyuaratnya yang dijadual esok.

Berikutan pembubaran itu, urusan harian negara kini dikendalikan oleh kerajaan sementara dan persidangan pertama Parlimen yang lepas bagi tahun ini yang asalnya dijadualkan Isnin depan telah ditangguhkan.

Mandat lima tahun kerajaan Barisan Nasional sepatutnya berakhir Disember depan.

Pilihan raya umum kali ini bakal menyaksikan pertarungan bagi merebut 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi DUN di 12 buah negeri. Pada pilihan raya umum yang lepas bilangan kerusi Parlimen yang dipertandingkan ialah 194 buah, manakala kerusi DUN pula 394 buah.

Pertambahan kerusi pada kali ini adalah hasil persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh SPR pada tahun lepas.

Berikutan pilihan raya umum 1999, BN mempunyai kedudukan yang selesa iaitu lebih dua-pertiga di Dewan Rakyat dengan menguasai 152 kerusi manakala di peringkat negeri pula ia menguasai 280 kerusi.

-- BERNAMA
MFJ MFJ AM